

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua  
Sidang 1985/86

HSA 101 - Pengantar Sejarah

Tarikh: 9 April 1986

Masa: 2.15 petang - 5.15 petang  
( 3 jam )

---

Jawab EMPAT(4) soalan, DUA(2) soalan daripada Bahagian A dan  
DUA(2) soalan daripada Bahagian B.

BAHAGIAN A

1. Menurut E.H. Carr, keobjektivan sejarah haruslah tertumpu pada "keobjektifan perhubungan, perhubungan diantara fakta dan penafsiran". Bincangkan.
2. Pengadilan moral adalah suatu unsur yang tidak dapat dielakkan daripada penulisan sejarah. Apakah pendirian anda terhadap isu ini?
3. Apakah hal-hal yang haruslah diutamakan oleh ahli sejarah dalam pendekatan mereka terhadap soal penjelasan sejarah?
4. "Penulisan sejarah amat bergantung kepada bukti". Dengan merujuk kepada pernyataan ini; bagaimanakah ahli sejarah haruslah mendekati soal penafsiran bukti sejarah?

BAHAGIAN B

5. "Imperialisme Athens merupakan satu kekejaman, dikekalkan oleh kegunaan paksaan oleh Athens ke atas sekutu-sekutunya dan hanya membawa keuntungan kepada pihak Athens." Bincangkan.

6. Walaupun orang Athens adalah pengasas konsep demokrasi sebagai satu sistem kerajaan yang adil tetapi corak pemerintahan di Athens sebenarnya menunjukkan bahawa demokrasi wujud dalam teori saja. Komen.
7. Setujukah anda dengan pendapat bahawa sesuatu interpretasi yang berasaskan faktor-faktor politik dan militer saja tidak lengkap untuk menjelaskan hal kejatuhan empayar Rom di bahagian barat?
8. "Ahli sejarah berpendapat bahawa sistem feudalisme yang wujud di Eropah Barat dalam zaman pertengahan adalah hasil campuran institusi-institusi Rom dan unsur-unsur Jerman". Bincangkan.

-ooo000ooo-